



مَجْلِسُ اِئْتِمَارِ اِسْلَامِ سِلَانْغُورِ
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
TINGKAT 9 & 10, MENARA UTARA, BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH,
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
TEL : 03-5514 3400 FAX : 03-5512 4042
Laman Web : www.mais.gov.my E-mail : mail@mais.gov.my



مَجْلِسُ اِئْتِمَارِ اِسْلَامِ سِلَانْغُورِ

Rujukan Kami : **MAIS/SU/UKS/011/3 (94)**
3 Julai 2019
Tarikh : **29 Syawal 1440H**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Pengerusi Surau Seluruh Negeri Selangor

Tuan,

SURAT PEKELILING BAGI MENGADAKAN MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA SURAU DAN PEMERIKSA KIRA- KIRA BAGI SURAU DI SELURUH NEGERI SELANGOR SESI 2020 -2022

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa tempoh pelantikan anggota Jawatankuasa Surau bagi sesi 2017- 2019 akan berakhir pada 31 Disember 2019. Sehubungan itu, Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor Bil. 4/2019 pada 28 Mei 2019 telah bersetuju agar semua surau yang berdaftar di seluruh Negeri Selangor untuk mengadakan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- Kira bagi sesi 2020 -2022 bermula pada 1 Ogos 2019 hingga 15 Oktober 2019.

3. Mesyuarat tersebut hendaklah dilaksanakan berpandukan kepada langkah- langkah berikut :-

- 3.1 Pengerusi Surau hendaklah mengadakan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Surau bagi membincangkan persediaan bagi pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan;
- 3.2 Setiausaha Surau hendaklah membuat semakan dan pendaftaran ahli kariah berpandukan Garis Panduan Pendaftaran Ahli Kariah Masjid dan Surau Negeri Selangor.
- 3.3 Setiausaha Surau hendaklah mengemukakan notis bertulis kepada ahli kariah sekurang-kurangnya **14 hari notis** sebelum mesyuarat diadakan dan memaklumkan kepada Pejabat Agama Islam Daerah dan Nazir Masjid;
- 3.4 Setiausaha Surau hendaklah mengemukakan Minit Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- Kira bersama dengan borang yang telah lengkap dan diserahkan kepada Pejabat Agama Islam Daerah dalam tempoh 7 hari selepas mesyuarat menggunakan borang- borang berikut:

SURAT PEKELILING BAGI MENGADAKAN MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA SURAU DAN PEMERIKSA KIRA- KIRA BAGI SURAU DI SELURUH NEGERI SELANGOR SESI 2020 -2022

- i. Borang Pencalonan Anggota Jawatankuasa Surau;
 - ii. Borang Pemilihan Lain- Lain Anggota Jawatankuasa Surau; dan
 - iii. Borang Perakuan Maklumat Diri.
- 3.5 Mematuhi Peraturan dan Garis Panduan Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira-Kira Di Negeri Selangor.
4. Bersama-sama ini dilampirkan dokumen-dokumen berkaitan untuk rujukan dan tindakan tuan iaitu :-
- 4.1 Garis Panduan Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau Dan Pemeriksa- Kira- Kira Di Negeri Selangor.
 - 4.2 Garis Panduan Pendaftaran Ahli Kariah Masjid dan Surau Negeri Selangor.
 - 4.3 Jadual Pelaksanaan Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- Kira Di Negeri Selangor Sesi 2020 – 2022.
(Lampiran A)

Segala kerjasama dan perhatian pihak tuan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

والسلام, Sekian,

" معهارف كريضان الله "

" أمانه، قريهاتين دان مسرا "

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SETIA HJ MOHAMMED KHUSRIN BIN HJ MUNAWI)

Pengerusi

Majlis Agama Islam Selangor

Sk. Fail

(LAMPIRAN A)

**JADUAL PELAKSANAAN
PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA SURAU DAN
PEMERIKSA KIRA- KIRA BAGI SURAU DI SELURUH NEGERI SELANGOR
SESI 2020 – 2022**

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPOH	TINDAKAN
1.	Mengadakan Mesyuarat Khas Persediaan Pelaksanaan Mesyuarat Agung Di Peringkat Surau		1 Minggu selepas Program Taklimat diadakan diperingkat Daerah	Jawatankuasa Surau
2.	Mengadakan perbincangan dengan pihak masjid dan surau-surau dibawah seliaan masjid mengenai persempadanan kariah surau		1 Minggu selepas Mesyuarat Khas Persediaan Pelaksanaan Mesyuarat Agung	Jawatankuasa Surau
3.	Notis Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- Kira Sesi 2020–2022	Sekurang-kurang 14 hari sebelum Mesyuarat Agung Khas	2 minggu	Jawatankuasa Surau
4.	Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau dan Pemeriksa Kira- Kira Sesi 2020-2022	Mulai 1 Ogos 2019 – 15 Oktober 2019	2 1/2 bulan	Pegawai Masjid Dan Jawatankuasa Surau
5.	Menyerahkan minit mesyuarat dan borang- borang yang telah dilengkapkan ke PAID Daerah masing- masing	Selepas mesyuarat diadakan	7 hari selepas mesyuarat	Pengerusi/ Setiausaha Surau

Disediakan Oleh :
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor